



ORANG ramai berpeluang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kambing baka Boer di UPM, Serdang semasa pesta konvokesyen yang bermula 30 Oktober ini.

Pesta Konvokesyen UPM bermula 30 Oktober

Peluang beli daging rusa

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 28 OKT.**

PENGUNJUNG berpeluang mendapatkan daging lembu dan rusa berkualiti hasil ternakan universiti tersebut yang akan dijual pada Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 bermula 30 Oktober hingga 4 November ini.

UPM menerusi satu kenyataan berkata, pengunjung boleh mendapatkan daging tersebut yang akan dijual di gerai jualan Putra Mart, Taman Pertanian Universiti (TPU) di Bukit Ekspo UPM.

Katanya, UPM akan menawarkan harga terendah iaitu RM25 sekilogram bagi daging lembu manakala daging rusa RM39.20 sekilogram.

“Selain itu, kami turut menjual susu lembu segar yang berharga RM6.50 untuk setiap 1.5 liter. Pengunjung boleh menikmati semua



produk universiti ini yang berkualiti hasil penjagaan rapi termasuk dalam aspek kesihatan serta kawasan persekitaran padang ragut yang luas, menyebabkan ternakan hidup dengan baik.

“Baka lembu terbaik turut dipamerkan seperti lembu pedaging baka Brangus hasil kacukan baka Brahman dan Angus yang boleh mencapai berat dewasa antara 700 dan 800 kilogram. Di samping itu, baka lembu tenusu kacukan Friesian Sahiwal yang mampu mengeluarkan susu antara 1,500 hingga 2,000 kilogram susu setahun turut dipamerkan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari.

Dalam perkembangan sama, UPM berkata, pengunjung berpeluang melihat haiwan lain seperti rusa jenis tropika *Cervus Timorensis*

secara lebih dekat yang mampu mencapai berat antara 80 dan 100 kilogram.

“Kambing jenis Boer dan Katjang yang sesuai untuk dijadikan ternakan pengeluar daging turut dipertontonkan. Ini merupakan peluang bagi penternak untuk melihat dan mempelajari bidang tersebut pada ekspo kali ini,” ujarnya.

Sementara itu, kata UPM, ekspo pada tahun ini turut mendapat kerjasama pelajar Kelab Unit Berkuda dan Bahagian Ternakan yang mengadakan aktiviti berkaitan haiwan tersebut.

Menurutnya, pengunjung terutama peminat sukan berkuda dapat melihat baka kuda jenis *Thoroughbred* yang sesuai untuk jenis sukan *show jumping*, *dressage*, latihan gabungan, polo dan ketahanan.

“Aktiviti lain seperti bengkel, pemasangan ladam, pameran peralatan serta pelbagai aktiviti berkaitan dengan kuda akan diadakan untuk yang berminat. Mereka juga berpeluang menunggang kuda dengan bayaran serendah RM5,” katanya.